

PENDEKATAN IHES MELALUI KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM MEMBENTUK KEMENJADIAN GENERASI AL QURAN

Zetty Nurzuliana Rashed
zetty@kuis.edu.my

Ab Halim Tamuri
tamuri@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Sistem Pendidikan Integrasi dan Holistik (IHES) yang dibangunkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) ini merupakan satu sistem yang membantu sistem Pendidikan Islam di negeri Selangor. Sistem ini diamalkan di semua sekolah rendah agama, sekolah rendah intergrasi dan maahad tahfiz sains negeri Selangor ini menjadi nilai tambah penting kepada sistem pendidikan kebangsaan yang sedia ada. Kemenjadian generasi al-Quran sebagai insan seimbang dan cemerlang perlu bermula dari sistem pendidikan berkualiti dan berkesan. Keupayaan mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) bergantung kepada kemampuan guru sebagai pelaksana dan agen proses pendidikan yang cemerlang. Pengetahuan, kemahiran, komitmen, kesedaran dan motivasi guru merupakan pemangkin kepada kejayaan pelaksanaan pendekatan pendidikan integrasi dan holistik dalam pengajaran. Guru Pendidikan Islam perlu memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pendekatan pengintegrasian ilmu yang digunakan bagi mengintegrasikan ilmu yang berkesan kepada murid. Oleh itu guru-guru perlu diberi latihan dan ilmu yang secukupnya bagi membolehkan mereka memberi pengajaran yang berkesan. Kaedah pengajaran dan pendekatan integrasi ilmu ini perlu disesuaikan dengan topik yang diajar, tahap kemampuan murid dan elemen integrasi ilmu sains dan al-Quran yang diterapkan. Kaedah integrasi inilah yang akan melahirkan generasi al Quran adalah generasi yang membawa wadah perjuangan untuk membina kekuatan Islam dari semua sudut, sama ada dari sudut politik dan siasah, ekonomi dan perdagangan, pendidikan dan pembelajaran, sosial dan kebudayaan.

Kata kunci: integrasi, holistik, generasi al Quran

1.0 PENGENALAN

Pendidikan adalah nadi pembangunan sesuatu bangsa dan negara. Tanpa sistem pendidikan komprehensif dan mantap sejajar dengan perkembangan zaman, sesuatu bangsa atau negara boleh dianggap sebagai gagal dalam melaksanakan tanggungjawab kepada rakyatnya. Dalam konteks pembangunan Insan, Pendidikan Islam merupakan salah satu komponen terpenting dalam plan pembangunan negeri Selangor yang dilaksanakan melalui satu sistem yang bermula daripada peringkat pra-sekolah sehinggalah pendidikan tinggi. Aspek pembangunan murid merupakan tumpuan utama yang memberi fokus melahirkan kemenjadian murid sebagai salah satu aspirasi untuk memacu negara di masa akan datang. Maka umumnya masyarakat mahu melihat kualiti pendidikan bermula daripada aspek guru sehinggalah kepada perancangan dan pelaksanaan sistem pendidikan daripada peringkat awal pendidikan sehinggalah ke peringkat universiti. Apa yang penting semua pihak perlu berperanan lebih-lebih lagi golongan guru yang terlibat dalam melaksanakan apa yang telah dirangkaikan. Peranan warga pendidik amat penting dalam memastikan kejayaan transformasi membentuk generasi membangunkan negara di masa hadapan. Menurut Ruzlan (2017) kemenjadian murid bermaksud kejayaan seseorang guru dalam mendidik muridnya menyebabkan muridnya dapat menguasai apa yang telah diajar, bukan sahaja dari segi nilai pendidikan bahkan nilai-nilai moral yang menjadikan murid itu sempurna.


Kemenjadian murid sudah tentu mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemenjadian guru. Keberhasilan untuk membentuk sahsiah pelajar dan memastikan proses kemenjadian pelajar menjadi satu realiti bergantung pada keupayaan guru melaksanakan tugas sebagai seorang guru 'sejati' ketika di sekolah. Sejati di sini merujuk kepada keperibadian guru yang memiliki sifat-sifat sebagai seorang guru mithali yang boleh menjadi contoh terbaik untuk kesemua pelajarnya. Sifat-sifat guru adalah menyeluruh atau holistik.

Profesion keguruan menuntut seorang guru memiliki kesempurnaan yang mampu diperoleh dan kehebatan dalam kehidupan seharian khususnya ketika mendidik anak didiknya. Namun kesempurnaan dan kehebatan yang dimiliki bukanlah untuk dipertontonkan atau ditunjukkan atas dasar riak dan takabbur tetapi lebih kepada tujuan memberikan contoh tauladan dan tarbiah kepada para pelajar. Perlu tersebut sifat-sifat tersebut merupakan sifat-sifat yang dimiliki oleh para nabi. Kita sedia maklum bahawa nabi-nabi (*anbia'*) adalah manusia mulia yang dipilih oleh Allah SWT untuk mengajar dan mengajak umat manusia supaya mentauhidkan Allah SWT dan menyampaikan ilmu pengetahuan dan pengajaran untuk umat manusia (Suhaimi Taat et. al 2014).

Proses tarbiah ini bermula dengan pendekatan pendidikan bersepadu atau pendidikan integrasi holistik yang memberi fokus kepada penyepaduan ilmu di antara perkembangan ilmu aqli dengan ilmu naqli berpandukan dan selari dengan mesej al-Quran dan Sunnah (Ahmad Sabri 2003, Tajul Ariffin dan Nor 'Aini 2002, Mohd O.H. Al Khatib 2006 dan Rohana Hamzah 2017). Dalam erti kata lain pendekatan pendidikan ini cuba membina keimanan atau keyakinan pelajar kepada kebenaran mesej Allah SWT iaitu ilmu wahyu yang dicatat di dalam al-Quran. Generasi al-Quran yang ingin dibangunkan pendidikan integrasi dan holistik atau (IHEIS) ini adalah generasi yang memahami Al Quran sebagai kitab panduan untuk memandukan manusia ke jalan yang lurus. Mereka adalah generasi yang membawa wadah perjuangan untuk membina kekuatan Islam dari semua sudut, sama ada dari sudut politik dan siasah, ekonomi dan perdagangan, pendidikan dan pembelajaran, sosial dan kebudayaan.

2.0 SISTEM PENDIDIKAN INTEGRASI DAN HOLISTIK (IHES)

Sistem Pendidikan Integrasi dan Holistik (IHES) yang dibangunkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) ini merupakan satu sistem yang membantu sistem Pendidikan Islam di negeri Selangor. Sistem ini diamalkan di semua sekolah rendah agama, sekolah rendah intergrasi dan maahad tahfiz sains negeri Selangor ini menjadi nilai tambah penting kepada sistem pendidikan kebangsaan yang sedia ada. Sistem ini juga merupakan suatu pendidikan yang sepadu, seimbang dan menyeluruh melalui pengintegrasian potensi insan, kepelbagaian kurikulum dan media bagi mencapai visi, misi, matlamat, objektif dan falsafah pendidikan Bahagian Pendidikan Islam JAIS berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah untuk melahirkan hamba Allah SWT yang diredhai. Budaya amalan pengajaran dan pembelajaran yang berterusan berteraskan al-Quran dan Sunnah yang merupakan asas kepada kewujudan keberkatan dalam kehidupan manusia di samping penerapan teori pembelajaran dari pelbagai sumber. Rajah di bawah menunjukkan Model Pendidikan Bersepadu dan Menyeluruh (IHES) bagi sistem ini.



Di samping itu terdapat tiga bentuk pendekatan yang digunakan dalam sistem IHES ini iaitu 1; arahan (*instructional*), 2; kajian dan penyelidikan (*investigational*), 3; penghayatan (*immersion*). Manakala terdapat lima proses pendidikan yang berterusan dan konsisten iaitu pertama pengajaran dan pembelajaran kedua bimbingan dan pembelajaran, ketiga adalah latihan dan pembelajaran, keempat adalah nasihat dan pembelajaran dan yang kelima adalah rundingan dan pembelajaran.

Dalam aspek pentaksiran dan penilaian □ sistem IHES ini bukan semata-mata berfokuskan kepada peperiksaan tetapi memberi tumpuan yang bersepadu, seimbang lagi menyeluruh dalam membentuk kemenjadian generasi al-Quran yang berasaskan akidah yang mantap. Antara aspek-aspek yang dititikberatkan adalah pertama berkaitan dengan penghayatan ilmu, kedua adalah pembentukan akhlak mulia, ketiga adalah peningkatan kecekapan dan kemahiran, keempat adalah pencapaian akademik manakala yang terakhir adalah aplikasi dalam kehidupan. Dalam □ sistem ini terdapat beberapa modul yang disediakan untuk pembangunan profesionalisme guru antaranya seperti:

1. Program latihan pengenalan Sistem Pendidikan Integrasi dan Menyeluruh (IHES)

Program ini membincangkan tentang □ sistem IHES yang merangkumi dari aspek matlamat, keperluan, visi, misi dan falsafah pembentukan sistem ini yang memberi nilai tambah kepada sistem pendidikan JAIS.

2. Program Mengenal Diri

Program ini disusun bagi membuka ruang untuk guru-guru mensyukuri kejadian sebagai hamba Allah SWT di muka bumi sebagai ciptaan Allah SWT yang terbaik. Program ini juga mengajak bermuhasabah tentang kelemahan dan kesilapan diri serta berusaha memperbaiki diri guru agar menjadi lebih baik dari hari ke hari.

3. Program Craftmanship dalam Berfikir

Melalui program-program ini diharapkan setiap guru dan staf memahami visi dan misi institusi serta matlamat sebenar pendidikan Islam. Kefahaman ini perlulah berdasarkan definisi Pendidikan Islam dari sumber al-Quran dan Sunnah. Guru-guru juga diharapkan berfikir secara kritis dan kreatif dalam merancang setiap gerak tindakan mereka sejajar dengan falsafah, matlamat, definisi dan hala tuju pendidikan JAIS.

4. Program Quranic Generation Development Programme

Ia akan menjana generasi al-Quran yang berteraskan kepada kemenjadian (*Outcome Based Learning*) yang membudayakan amalan pembelajaran (*Learning Practice*) berterusan berbanding hanya teori pembelajaran merupakan pelengkap dan tambah nilai kepada sebahagian sistem pendidikan yang berfokuskan kepada peperiksaan atau kecemerlangan akademik. Di samping itu matlamat dan objektif program ini adalah untuk melahirkan generasi al-Quran yang mempunyai tujuh ciri atau sifat kemenjadian iaitu:

- a) Tauhid atau akidah sebagai asas kehidupan yang diredhai Allah s.w.t.
- b) Tazkiyah iaitu mempunyai hati yang kembali kepada fitrah.
- c) Hikmah iaitu kesesuaian dengan al-Quran dan as-Sunnah.
- d) Istiqamah adalah berpendirian teguh, stabil dan mantap.
- e) Muamalah adalah individu yang berkemahiran komunikasi dan interaksi.
- f) Deen adalah individu yang menjadi Islam sebagai system kehidupan yang lengkap.
- g) Amanah kepada matlamat dan peranan hidup.

3.0 PENDEKATAN PENDIDIKAN INTEGRASI HOLISTIK MELALUI KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM

Proses pendekatan pendidikan integrasi holistik cuba membangunkan potensi pelajar dengan merangsang penggunaan pancaindera luaran dan daya fikir. Peranan kurikulum Pendidikan Islam bukan hanya setakat mendidik murid supaya menjadi insan yang berfikir namun membentuk insan yang mampu mengintegrasikan minda dengan nilai-nilai rohani dan persekitaran secara bersepadu. Ini disokong oleh kajian (Nor Hayati Alwi 2003; Rabiatal Adawiyah 2009). Menerusi penerangan guru tentang elemen-elemen saintifik, proses kejadian cakerawala, proses kejadian manusia dan sebagainya terdapat banyak ayat-ayat al-Quran yang menuntut manusia menggunakan akal. Seperti dalam firman Allah SWT dalam Surah Al-Jatsiah ayat 3-5. Begitu juga pandangan oleh Sayid Sabiq (1991) berpandangan, manusia perlu menggunakan akal fikiran dan memeriksa secara teliti apa-apa yang diciptakan Allah SWT yang beraneka rupa ini merupakan salah satu dari cara untuk mengenal Allah SWT.

Apabila menyoroti kembali zaman Rasulullah s.a.w mendidik generasi awal Islam, baginda selalu mengajak para sahabat merenung kejadian-kejadian Allah SWT yang ada persekitaran mereka (Rahman 1981; Al-Kahdalawy 1984). Allah SWT juga berfirman dalam ayat-ayat al-Quran (30: 21; 30 : 54 ; 30 : 22-24) yang mana menjelaskan bahawa ajakkan itu bertujuan membawa mereka melalui akal fikiran yang dipandu oleh wahyu, sampai kepada hakikat penciptaan alam ini (Sayid Sabiq 1991). Suasana pendidikan yang sedemikian menjadikan suasana kehidupan yang dilalui oleh generasi awal Islam sebagai satu kehidupan yang membolehkan akal yang dibimbing oleh wahyu menjadi alat untuk mengenal Allah SWT. Oleh itu, suasana pengajaran ini perlu dikembalikan semula dalam kehidupan dan sistem pendidikan umat Islam kini.

Jelasnya dalam Islam menggalakkan umatnya berfikir dalam lapangan berhubung makhluk dan kejadian ciptaan Allah SWT dengan tujuan membangunkan akal serta menggunakannya dalam berfikir, mengenangkan (*tafakkur*) dan menyelidiki supaya akhirnya nanti manusia itu akan sampai kepada petunjuk yang menerangkan sejelas-jelasnya tentang peraturan alam (Sayid Sabiq 1991; Osman Bakar 1991). Pembangunan diri insan atau murid secara keseluruhannya dapat berlaku dengan adanya akal yang ber*ma'rifat* kepada Allah SWT. Al-Ghazali (1976) mengatakan dengan *ma'rifat* ini maka akan berubahlah hati. Dan berganti kehendak dan keinginannya. Kemudian perubahan kehendak itu membuahkan amal perbuatan anggota badan dan segala yang dicampakkan ke dunia. Justeru itu kefahaman guru Pendidikan Islam terhadap kepentingan ini amat perlu untuk memperkasakan lagi pelaksanaan pendidikan integrasi holistik dalam pengajaran Pendidikan Islam.

Pandangan Al-Attas (1978) juga menyatakan guru perlu sentiasa berusaha mengintegrasikan ilmu semasa melaksanakan pengajaran kerana sedar akan kepentingannya terhadap pembangunan diri murid. Pendidikan Islam mampu mendidik dan melahirkan individu yang berpelajaran dan berpengetahuan luas, yang bersikap dan berpendirian secara Islam serta hidup beragama. Menurut Osman Bakar (1997) dalam Noor Hayati Alwi (2000) menyatakan Pendidikan Islam sifatnya adalah syumul atau menyeluruh, lengkap dan seimbang. Nilai-nilai yang bersifat *aqli* dan *naqli* perlu diterapkan ke dalam subjek Pendidikan Islam. Hanya apabila nilai-nilai ini tersebar secara tersisip dalam subjek-subjek yang diajar barulah jelas penghayatan ajaran agama diamalkan. Bertitik tolak dari kepentingan inilah tujuan integrasi ilmu ini adalah mewujudkan manusia yang sempurna atau insan baik (Umdirah 1996 ; Al-Attas 1992). Wan Mohd Nor Wan Daud (2009) juga mengatakan tujuan pendidikan secara umumnya membangunkan lelaki dan perempuan yang baik dalam erti kata sebagai hamba dan khalifah Allah SWT di bumi ini.

Perkembangan insan yang bersepadu ini selari dengan tujuan pengajaran Pendidikan Islam iaitu untuk melahirkan insan yang baik (Al-Attas 1978). Insan yang baik ialah insan yang dibangun kesemua potensinya secara seimbang dan berjaya dibentuk sebagai hamba dan khalifah Allah SWT (Al-Attas 1978; Rosnani Hashim 1999). Pendidikan Islam bukan semata-mata untuk mencurahkan fakta dan ilmu tetapi untuk membina watak dan keperibadian murid (Che Noraini dan Hasan Langgulung 2008). Usaha 'memanusiakan kembali' sistem pendidikan sedia ada hanya akan tercapai menerusi sistem pendidikan yang berasaskan kepada fitrah yang bersifat tauhidik dan holistik (Zakaria Din dan Ab. Halim Tamuri 2010). Justeru ia amat bersesuaian dengan konsep integrasi ilmu sains dan al-Quran dalam pengajaran Pendidikan Islam yang mengutamakan pendidikan kerohanian, kemudian diikuti dengan ilmu akhlak dan penghayatannya.

Kurikulum Pendidikan Islam juga bertujuan untuk membangunkan insan bersepadu dalam kalangan murid-murid. Secara tidak langsung, ia mencerminkan bahawa guru Pendidikan Islam memainkan peranan yang sangat penting bagi melahirkan murid yang seimbang dari segi akademik dan akhlak yang juga disokong oleh (Akhmal et al. 2011; Rohana 2010; Tajul Ariffin dan Nor 'Aini 2002) menyatakan bahawa individu yang berhasrat untuk menjadi seorang guru perlu sedar akan tanggungjawab yang berat yang perlu dipikul bagi melahirkan murid yang cemerlang dan berupaya mengaplikasikan aspek intelek dan akhlak yang seimbang. Apabila kurikulum yang bersepadu telah dirancang dengan rapi, maka ia akan dilaksanakan di dalam sistem pendidikan. Ini ditambah juga dengan pandangan Tajul Ariffin dan Nor Aini (2002) yang menyatakan matlamat akhir pendidikan adalah mewujudkan insan yang berintelek, *multiskill*, serta bersikap proaktif dan positif terhadap ilmu pengetahuan.

Matlamat akhir Pendidikan Islam ini akan membawa insan memahami akan kebenaran, makna dan tujuan hidup manusia yang akhirnya mencapai *self-actualization*. Ini bertepatan dengan kajian Musa Daia (1993) yang menyatakan melalui kurikulum bersepadu ini dapat membantu murid menguasai kemahiran berinteraksi dalam semua situasi hidup, memberi peluang murid memahami alam sosial dan fizikal mereka, menekankan pembelajaran ke arah memahami diri, memelihara keseimbangan teori dan amali dan mengambil kira asas pengetahuan, kemahiran, nilai, sikap, perlakuan yang diperlukan oleh semua murid.

Di sini, guru memainkan peranan yang besar dalam menyampaikan isi kandungan kurikulum sepadu. Guru perlu mempunyai kesediaan yang mantap dalam berfikir secara beradab dalam pada memahami ilmu-ilmu dalam kurikulum sejelas-jelasnya (Tajul Ariffin dan Nor Aini 2002). Dengan sistem pendidikan yang dijalankan menerusi konsep sepadu, insan yang akan dilahirkan kelak akan mempunyai ilmu pengetahuan yang mantap, kemahiran yang tinggi dan juga akhlak yang baik serta dapat menongkah arus dalam hidup bermasyarakat.

Dalam konteks pendidikan integrasi dan holistik ini bertujuan mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Ia perlu selari dengan hasrat FPK yang mana meletakkan kriteria insan yang harmonis dan seimbang dari semua potensi berdasarkan nilai tertinggi iaitu kepercayaan dan kepatuhan kepada Allah SWT. Menurut Tunku Sarah (1997) untuk memahami konsep integrasi ini perlulah terlebih dahulu memahami dan mendalami Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Falsafah ini berhasrat untuk melahirkan murid-murid yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (Kementerian Pelajaran Malaysia 2000). Jika dilihat daripada empat aspek iaitu JERI jelaslah bahawa sebenarnya ia juga berteraskan kepada pendidikan agama yang memberi fokus kepada pembangunan manusia. Dengan itu secara tidak langsung telah menghapuskan pengaruh dualisme dan sekularisme dalam sistem pendidikan negara sekaligus mengikis pengaruh sistem pendidikan kolonialisme (Ghazali Darusalam 2001).

Dengan itu, generasi al-Quran yang dilahirkan dari sistem pendidikan integrasi dan holistik ini perlu memiliki keperibadian yang kental, tegas, akhlak yang mulia dan secara seimbang memiliki kepintaran dari aspek ilmu teras iaitu al-Quran dan akidah yang kukuh dan berupaya melaksanakan tanggungjawab yang ditanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh yakin dan jujur. Fathiyah (2013) yang menyatakan pembangunan intelek murid amat perlu dibangunkan melalui integrasi ilmu ini. Perkembangan intelek insan adalah salah satu tujuan utama kurikulum Pendidikan Islam.

Falsafah Pendidikan Islam juga menjadi dasar pengajaran berasaskan integrasi ilmu. Langulung (1986) dalam bukunya Manusia dan Pendidikan yang mengatakan falsafah hidup Islam mencakup kebenaran yang bersifat spekulatif dan praktikal yang memolong mentafsirkan tentang manusia, sifat-sifatnya, nasib kesudahannya dan keseluruhan hakikat. Di atas dasar inilah segala falsafah yang betul harus dibina. Falsafah Pendidikan Islam menentukan tujuan akhir, maksud, objektif, nilai-nilai dan cita-cita yang telah ditentukan lebih dahulu oleh falsafah hidup Islam dan dilaksanakan melalui proses pendidikan. Habsah Ismail (2000) juga berpandangan bahawa para guru seharusnya memahami Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dengan secukupnya, menghayati konsep pendidikan bersepadu dan mencintai ilmu. Dalam konteks pelaksanaan, ini bererti bahawa kejayaan kurikulum JAIS, kurikulum tahfiz, KSSR dan KSSM khususnya sebahagian besarnya bergantung kepada sejauhmana guru memahami konsepnya dan bagaimana mereka menterjemahkannya dalam amalan di sekolah.

Pendidikan Islam juga bertujuan untuk membangunkan intelek insan kerana ia penting (Al-Hasan 2005) untuk membongkar kebenaran hakiki iaitu menemukan insan kepada Penciptanya (Abdullah 1982). Intelek penting untuk menyelesaikan permasalahan dalam kehidupan (Abdul Haq 2002). Ia membantu insan

mencapai kemuncak kesedaran akal untuk memperolehi ilmu (Ul Islam 2003). Justeru itu, pengajaran Pendidikan Islam seharusnya memberi penekanan kepada usaha untuk mempertingkatkan keupayaan intelek bagi memahami, memerhati, mengkaji dan menyelesaikan masalah (Umar 2000). Justeru, apa yang diperlukan adalah menerusi kurikulum dan pendidikan yang sepadu, unsur kejiwaan dan mengenal hakikat kejadian akan kembali diterapkan ke dalam jiwa dan hati masyarakat. Ini bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang kekal utuh, tahan nilai dan akhlak serta mempunyai ketamadunan yang dibanggakan (Akhmal et al. 2011; Danial Zainal Abidin 2008).

Perkembangan intelek dapat dicapai menerusi penelitian terhadap ayat-ayat al-Quran dan pemerhatian kepada unsur-unsur alam. Penelitian dan pemerhatian tersebut dapat mendorong kepada keyakinan kepada Allah SWT dan kekuasaan-Nya (Abdullah 1982). Perkembangan intelek turut dapat dicapai menerusi aktiviti berfikir. Pandangan yang mengatakan bahawa Pendidikan Islam hanya tertumpu kepada kaedah menghafal adalah pandangan yang salah (Abdullah 1982; Zawawi Ahmad 1996). Buktinya, terdapat banyak terminologi seperti *ulul albab* iaitu manusia yang berfikir disebut di dalam al-Quran. Konsep *ya`qilun* iaitu berfikir, *yatafakkarun* iaitu berfikir secara mendalam serta konsep *yatadabbarun* yang membawa maksud berfikir untuk meraih kebenaran tentang Pencipta disebut dalam al-Quran (Sidek Baba 2006)

Selain daripada perkembangan intelek, perkembangan spiritual juga salah satu tujuan Pendidikan Islam yang penting kerana insan terdiri daripada unsur roh. Perkembangan spiritual hakikatnya bersangkutan dengan aspek memantapkan keimanan insan kepada Allah s.w.t, malaikat, rasul, hari akhirat dan *qada'* serta *qadar*. Keimanan pula merujuk kepada situasi insan membuat pengakuan dengan lidahnya, menyakininya dalam hati dan menterjemahkan keimanan menerusi amalan salih (Achoui 1998). Justeru itu, keimanan yang teguh lazimnya diiringi dengan amalan salih dan tingkahlaku yang baik.

Jelasnya, proses integrasi ilmu ini juga bertujuan untuk memperkembangkan aspek fizikal, intelek, spiritual dan keperibadian insan agar terbina insan yang seimbang dan sempurna menurut perspektif Islam. Peranan guru sebagai *murabbi* pula merujuk kepada peranan untuk memelihara dan mengembangkan potensi insan (Ibn Manzur 1997). Jika ditelusuri di dalam Al-Quran, konsep *tarbiyah* ini dirakamkan Allah s.w.t dalam Surah al-Isra' ayat 24 yang membawa maksud;

Dan rendahkanlah diri kamu terhadap mereka berdua dengan penuh kasih sayang dan ucapkanlah:Wahai Tuhanku kasihanilah mereka berdua sebagaimana mereka berdua telah mencurahkan kasih sayang, memelihara dan mendidikku ketika kecil.

(Abdullah Basmeih 2001).

Al-Nahlawi (2005) memetik pandangan al-Bahi lalu menyimpulkan pengertian *tarbiyah* mempunyai empat unsur iaitu menjaga dan memelihara anak, mengembangkan bakat dan potensi, membimbing potensi untuk mencapai kesempurnaan dan keseluruhan proses tersebut berlaku secara beransur-ansur Berdasarkan pandangan Ibn Manzur (1997), Al-Nahlawi (2005) serta ayat-ayat al-Quran yang berkaitan, maka boleh disimpulkan bahawa peranan guru sebagai *murabbi* ialah peranan yang menjurus kepada aspek perkembangan fizikal, rohani, emosi dan pemikiran murid (Ab. Halim Tamuri 2006).

Pendekatan pendidikan integrasi dan holistik ini juga bertujuan untuk membuka ruang kepada murid mengenal diri dan Pencipta. Imam al-Ghazali (1967) juga menekankan tentang pengajaran yang berpaksikan tauhid yang mana manusia dapat mengenal Allah SWT sebagai Tuhan yang mencipta dan memberikan seindah-indah rupa dan bentuk. Manusia dapat mengenal Allah SWT menerusi hati iaitu seketul daging yang kecil bentuknya tetapi besar pengaruhnya ke atas pencaindera manusia dan semua anggota badan yang lain. Begitu juga dengan kajian Mohd Kamal Hassan (1981) yang menyatakan Pendidikan Islam adalah berfungsi membawa fungsi untuk melahirkan manusia yang berpengetahuan dan mempunyai kesejajaran dengan dasar kehidupan Islam. Pengetahuan yang dimaksudkan adalah pengetahuan yang merangkumi ilmu hubungan antara manusia dengan Pencipta yang dimanifestasikan dalam ilmu-ilmu akidah.

Fathiyah (2013) juga menjelaskan peranan guru yang paling utama dalam menerapkan elemen Falsafah Pendidikan Islam ialah dengan mengembalikan jiwa murid kepada fitrahnya yang suci (Shadid 1997; Zawawi Ahmad 1996). Asas fitrah semula jadi tersebut ialah tauhid iaitu mengesakan Allah SWT. Ini bermakna peranan pertama guru ialah menerapkan elemen tauhid atau iman dalam pengajaran agar lahir jiwa murid yang benar-benar memahami matlamat penciptaannya sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Zawawi

Ahmad (1996) turut menyatakan fitrah tersebut sentiasa mendesak akal supaya berfikir mencari Tuhan. Cara berfikir yang boleh membentuk jiwa tauhid ialah memahami dan menganalisis ajaran agama dengan hati yang ikhlas iaitu dengan tujuan ingin tahu dan untuk beribadat. Pengkaji berpandangan keadaan ini menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam perlu mempunyai kesedaran dan mempunyai sifat tanggungjawab untuk melahirkan murid-murid yang integriti dan bersepadu.

4.0 KESIMPULAN

Era globalisasi yang kita hayati pada hari ini merupakan satu cabaran besar kepada pembangunan umat Islam sendiri. Sifat-sifat global yang terdapat dalam pelbagai hal seperti ekonomi, perdagangan, budaya sains dan hasil-hasil teknologi telah mencabar agama sendiri sama ada boleh terus relevan atau sebaliknya. Oleh itu bagi mengatasi masalah ini dan bagi memenuhi tuntutan Islam sendiri, pendekatan integrasi dan holistik seperti yang dilakukan oleh umat Islam lampau perlu dilakukan. Dengan gabungan itu, ilmu aqli akan dilihat sebahagian dari tuntutan agama dan segala usaha yang dibuat di bawahnya akan mendatangkan pahala seperti juga yang diperoleh melalui amalan yang dikenali sebagai ibadat dalam Islam.

Kemenjadian generasi al-Quran sebagai insan seimbang dan cemerlang perlu bermula dari sistem Pendidikan berkualiti dan berkesan. Keupayaan mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) bergantung kepada kemampuan guru sebagai pelaksana dan agen proses pendidikan yang cemerlang. Pengetahuan, kemahiran, komitmen, kesedaran dan motivasi guru merupakan pemangkin kepada kejayaan pelaksanaan pendekatan pendidikan integrasi dan holistik dalam pengajaran. Guru Pendidikan Islam perlu memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pendekatan pengintegrasian ilmu yang digunakan bagi mengintegrasikan ilmu yang berkesan kepada murid. Oleh itu guru-guru perlu diberi latihan dan ilmu yang secukupnya bagi membolehkan mereka memberi pengajaran yang berkesan. Kaedah pengajaran dan pendekatan integrasi ilmu ini perlu disesuaikan dengan topik yang diajar, tahap kemampuan murid dan elemen integrasi ilmu sains dan al-Quran yang diterapkan. Kaedah integrasi inilah yang akan melahirkan sikap yang dikehendaki oleh Pencipta.

5.0 RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. 2010. *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri. 2011. Al-Quran dan alam sebagai sumber ilmu sains dalam pendidikan. Dlm. Khalijah Salleh (pnyt.). *Pendidikan Sains Berteraskan Tauhid*. Bangi: Penerbit UKM.
- Abdullah Bin Muhammad Basmeih. 2001. *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (30 Juzuk)*. Kuala Lumpur: Darul fikir.
- Achoui, Mustapha. 1998. Human nature from a comparative psychological perspective. *The American Journal of Islamic Social Sciences* 15(4): 71-95.
- Akhmal, Akhmal Annas Hasmori, Hussin Sarju, Ismail Sabri Norihan, Rohana Hamzah & Muhammad Sukri Saud. 2011. Pendidikan, kurikulum dan masyarakat : Satu integrasi . *Journal of Edupres* 1: 350-356.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1978a. *Aims and Objectives of Islamic Education*. Jeddah: King Abdul Aziz University.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1978b. *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1993. *Islam dan Sekularisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Ghazali. 1967. *Ihya'Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Nahlawi. 2005. *Usul al-Tarbiyah al-Islamiyah wa Asalibuha fi al-Bait wa al-Madrasah wa al-Mujtama'*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Danial Zainal Abidin. 2011. *Quran Sainifik*. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Fathiyah Mohd Fakhrudin. 2010. Penerapan elemen falsafah pendidikan Islam dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah Lembah Klang. Tesis Dr. Fal., Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Ghazali Darusalam. 2001. *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Hasan Langgulung. 1986. Pendidikan sepadu dan paradigm ilmu. Dlm. Tajul Ariffin Noordin & Abdul Raof Dalip (pnyt.). Pendidikan Sepadu, hlm.23-29. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hasan Langgulung. 1991. Asas-Asas Pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ibn Manzur. 1997. Lisan al-Arab. Juz. 1, 4, 5 & 9. Cetakan ke-2. Beirut: Dar `Ihya' al-Turath al-`Arabi.
- Madkur, Ibrahim. 1954. Durus fi Tarikh al-Falsafah. Kaherah: Matba'ah Madkur.
- Mohd Kamal Hasan. 1985. Al-Quran dan sains. Kertas kerja Seminar Falsafah dan Sejarah Sains Islam. Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia. UKM, 19-21 Julai.
- Mohd. Kamal Hasan.1981. Konsep Pendidikan Islam dalam Pendidikan Koleksi Dakwah. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Mohd. Kamal Hasan.1993. Konsep Pendidikan Islam dan Matlamat Persekolahan Agama dan Arab di Malaysia dalam Pendidikan Islam Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Suhaimi Taat. 2014. Minda Pendidik. Utusan Berita Harian. 12 Februari 2014
- Nor Hayati Hj. Alwi. 2003. Pembentukan model pembangunan insan kamil dalam pengajaran Sains. Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nor Hayati Hj. Alwi. 2005. Ke arah pembentukan model pembangunan insan sains seimbang dalam pendidikan Sains. Jurnal Teknologi Jun (42): 77-93
- Ruzlan Mohd Yusof. 2017. Kepentingan Kemenjadian Murid. Temubual, 11 Mac. Kursus Guru Cemelang siri 4 pada 20 - 23 Mac 2017 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi. Pada kali ini, latihan kemahiran PdP melibatkan guru KAFA daripada Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.
- Rohana Hamzah & Zuraina Ali. 2017. Kecerdasan Spritual. Penerbit Universti Malaysia Pahang.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor 'Aini Dan. 2002a. Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Pendekatan Bersepadu. Bandar Baru Bangi: As-Syabab Media.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini Dan. 2002b. Pendidikan dan Wawasan 2020: Falsafah, perguruan dan persekolahan. Kuala Lumpur: Areana Ilmu (M) Sdn.Bhd.
- Tajul Ariffin Nordin & Abdul Raop Dalip. 1986. Pendidikan Sepadu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Ariffin Nordin. 1988. Konsep Asas Pendidikan Sepadu. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.